

CNS9751

R GB 15-03 00175 BA334

a a b

MAJLIS PEGUAM DIPENGARUHI POLITIK BEMBANGKANG
Mahathir - Peguam ''''

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Majlis Peguam kini dipengaruhi oleh fikiran politik parti pembangkang.

Katanya, tindakan Majlis Peguam mengekalkan usul undi tidak percaya terhadap Ketua Hakim Negara Tun Hamid Omar bukan merupakan tindakan peguam tetapi berasaskan kekecewaan tidak dapat memegang kuasa negara melalui proses demokrasi.

+Kita tahu Majlis Peguam dipengaruhi oleh fikiran politik, khususnya partilawan, dan mereka banyak terlibat dengan partilawan, + katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Pengguna Sedunia di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Mesyuarat agung secara tertutup Majlis Peguam semalam menol akusul untuk mengiktiraf dan mengakui Hamid sebagai Ketua Hakim Negara dengan 809 undi menentang dan 52 menyokong. Seramai 1,201, daripada 3,600 anggota majlis menghadiri mesyuarat itu.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan terpengaruh dengan golongan yang tidak tahu membuat pertimbangan secara adil dan sebaliknya sanggup menyalahgunakan kuasa yang ada sedikit pada mereka sekarang. -- lagi

▼15/03/12-52MST

CNS9736

R GB 15-03 00102 BA336

aab

Mahathir - Peguam 2 Kuala Lumpur ''''

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap Mailis Peguam dan terpulanglah kepada rakyat untuk mengadili sama ada ianya (Majlis Peguam) benar-benar bersifat sebagai sebuah Majlis Peguam atau sebuah parti politik.

Beliau juga berkata bahawa tindakan majlis tersebut terus tidak mahu mengiktiraf kedudukan Hamid sebagai Ketua Hakim Negara tidak akan mendatangkan sebarang kesan terhadap sistem kehakiman negara.

Dr Mahathir berkata jika Majlis Peguam benar-benar percaya kepada konsep kebebasan sistem kehakiman, mereka sepatutnya tidak campurtangan dalam urusan kehakiman. -- Lagi.

▼15/03/13-02MST

CNS9767

R GB 15-03 00150 DA339

aab

Mahathir - Peguam 3 Kuala Lumpur ''

+Sistem kehakiman perlu bebas daripada semua pihak dan bukan kerajaan sahaja. Ianya tidak boleh dianggap bebas sekiranya dikongkong oleh Majlis Peguam,+ kata Dr Mahathir.

Beliau berkata pada masa ini majlis tersebut benar-benar cuba campurtangan dalam sistem kehakiman sehinggakan baru-baru ini meminta agar pemilihan hakim dirujukkan kepada mereka terlebih dahulu.

Perdana Menteri berkata tindakan itu membuktikan mereka tidak mempunyai prinsip dan +bermuka dua+ kerana ketika mendesak kerajaan jangan mengongkong sistem kehakiman, mereka sendiri bukan sahaja campurtangan malahan sanggup melanggar perlembagaan melalui usul tidak percay terhadap Hamid kerana menghina mahkamah mengikut peraturan yang dicipta sendiri.

+Sementara mereka marah pada kerajaan kerana mengikut undang-undang dalam tindakannya terhadap Tun Salleh Abas, mereka tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap Hamid.+

Dr Mahathir berkata sebenarnya, Majlis Peguam lah yang menghina mahkamah kerana enggan menerima keputusan mahkamah yang menyatakan bahawa Hamid tidak menghina mahkamah. -- Lagi

15/03/13-56MST

CNS9769

R GB 15-03 00193 BA 340

aab

Mahathir - Peguam 4 (akhir) Kuala Lumpur ''

Ketika ditanya sama ada Pejabat Peguam Negara akan diminta mengkaji perkara itu, beliau berkata adalah sukar untuk mengambil tindakan terhadap Majlis Peguam kerana apa yang dikatakan oleh kerajaan sebagai menghina mahkamah dianggap sebaliknya oleh mereka.

Dr Mahathir berkata pada masa ini Majlis Peguam kelihatan seperti ingin menjadi pengadil sendiri kerana walaupun mahkamah telah membuat keputusan, mereka masih tidak mahu mematuhi keputusan itu.

+Apakah Majlis Peguam akan hanya menghormati sistem kehakiman sekiranya hakim-hakim terdiri daripada golongan yang memihak kepada mereka?+ tanya beliau.

Mengenai kemungkinan satu cara baru dirumuskan untuk menentukan pucuk pimpinan Majlis Peguam, beliau berkata kerajaan tidak berminat untuk mengongkong majlis tersebut, dan sebagai golongan terpelajar, mereka seharusnya memikirkan sendiri sama ada tindakan yang diambil selama ini berasaskan keadilan dan perundangan.

Beliau juga menolak kemungkinan kerajaan mengadakan kod etik khas bagi peguam kerana kod mereka sendiri pun tidak mereka ikuti.

Ketika diminta mengulas mengenai perletakan jawatan Manjeet Singh sebagai Presiden Majlis Peguam, Perdana Menteri berkata tindakan itu amat berani kerana beliau (Manjeet) sudah pasti dikecam hebat dan dituduh menukar pendiriannya. -- Bernama